

50 lokaliti tanah runtuh, kepala air dikesan

Oleh Muhammad Yusri Muzamir
yusri.muzamir@bh.com.my

Shah Alam: Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) mengenal pasti kira-kira 50 lokaliti di seluruh negara yang berisiko tinggi berlaku insiden tanah runtuh kerana kedudukannya terletak berhampiran lokasi berpotensi mengalami kejadian kepala air.

Lokaliti berkenaan terletak di

Johor, Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Sabah, Sarawak dan Selangor.

Semua lokaliti itu dikenal pasti menerusi kajian dilakukan JPS di seluruh negara selepas tragedi kepala air yang berlaku di Yan, Kedah pada Ogos tahun lalu hingga menyebabkan enam mangsa terkorban.

Nasional 5

Eksklusif



Struktur Sabo yang dalam pembinaan di Titi Hayun, Gunung Jerai, Kedah mampu menghalang serpihan, batu dan kayu yang dibawa bersama arus deras jika berlaku kejadian kepala air.